



Selangor perintis perpaduan

## Tolak pelampau kaum

**MENTERI** Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata prinsip itu penting dikekalkan untuk terus memajukan negeri demi kesejahteraan rakyat pelbagai latar belakang kerana perpaduan kaum dan agama adalah kunci kepada keharmonian negara.

Justeru itu Selangor mahu melihat negeri itu menjadi perintis kepada perpaduan kaum selain mengekang tindakan tidak bertanggungjawab pihak pelampau yang mahu mewujudkan perpecahan.



**Ikuti berita lanjut di  
MUKA SURAT 3**

## Skandal 1MDB: Najib patut bercuti

**SKANDAL** 1Malaysian Development Berhad (1MDB) yang menjejaskan imej negara di peringkat antarabangsa memerlukan siasatan telus pelbagai peringkat. Untuk itu Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak perlu bercuti daripada menggalas jawatan sehingga siasatan selesai.

**Ikuti berita lanjut di MUKA SURAT 2**



## DAP, PAS senada saran PM bercuti

**SHAH ALAM** - DAP Selangor dan PAS senada mencadangkan supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bercuti bagi membuktikan diri beliau benar-benar bersih daripada skandal RM2.6 bilion yang dikaitkan dengan beliau.

Timbalan Setiausaha DAP Selangor, Ng Suee Lim, berkata tindakan itu perlu diambil sekiranya Umno benar-benar mahu memulihkan nama baik Malaysia dan Islam sekaligus tiada mana-mana pihak meragui keputusan siasatan skandal melibatkan 1MDB itu.

"Saya setuju dengan cadangan PAS bahawa Datuk Seri Najib sebagai seorang pemimpin Islam yang dikaitkan dengan pelbagai skandal perlu menjadi contoh yang baik dengan bercuti sementara badan penyiasat yang betul-betul bebas menyiasat.

"Kalau tiada kes, barulah be-

liau boleh kembali menjalankan tugasnya sebagai Perdana Menteri sekaligus sebagai seorang pemimpin Islam yang bersih dan bertanggungjawab.

"Semua usaha Umno memulihkan imej Islam dan sebagainya tidak berjaya kerana pemimpin nombor satu Umno sendiri tercemar dengan pelbagai skandal," kata Suee Lim kepada Selangor Kini, pada 22 Disember lalu.

Kata Adun Sekinchan itu, usaha Umno yang kononnya mahu memulihkan imej bersih seorang pemimpin Islam tidak akan berjaya selagi Presidennya sendiri bergelumang dengan pelbagai skandal.

Suee Lim turut menyeru supaya Umno mengamalkan Islam yang penuh kesedaran dengan memperjuangkan keadilan untuk semua pihak berbanding melindungi kuasa masing-masing.

“

**Saya setuju dengan cadangan PAS bahawa Datuk Seri Najib sebagai seorang pemimpin Islam yang dikaitkan dengan pelbagai skandal perlu menjadi contoh yang baik dengan bercuti sementara badan penyiasat yang betul-betul bebas menyiasat**

**NG SUEE LIM**

Timbalan Setiausaha DAP Selangor

## Pulih imej negara dan Islam

# Najib patut bercuti

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak perlu bercuti daripada menggalas jawatan itu bagi memulihkan imej negara yang terpalit dengan skandal 1Malaysian Development Berhad (1MDB).

Timbalan Presiden PAS, Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata itu penting untuk memulihkan nama baik Presiden Umno, Malaysia dan juga Islam kerana siasatan perlu akan kelihatan adil sebelum keadilan dapat dilakukan.

Beliau berkata demikian reaksi kepada saranan Naib Presiden Umno, Datuk Hishamuddin Hussein bahawa tugas memulihkan imej Islam harus diberi keutamaan.

"Kita meminta Presiden Umno bercuti sehingga siasatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan Ketua Audit Negara melengkapkan siasatan dan laporan terhadap 1MDB.

"Memperbaiki imej Islam bukan pada gaya pakaian atau negara tertentu tetapi ianya turut melibatkan penghayatan Islam dalam pelbagai bidang," kata Tuan Ibrahim dalam kenyataan medianya pada 21 Disember lalu.

Katanya, Kerajaan Persekutuan patut menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kerana ia bertentangan dengan Islam apabila fakir miskin turut dipaksa bayar cukai.

"Mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan hidup berjimat Kementerian seperti yang terpaksa dilakukan rakyat dalam menghadapi kemelut kejatuhan harga minyak dan juga kenaikan kos hidup yang semakin meruncing.

"Menyiasat Yapiem dengan telus dan terbuka dan memasti-



“

**Kerajaan Persekutuan patut menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kerana ia bertentangan dengan Islam apabila fakir miskin turut dipaksa bayar cukai.**

**TUAN IBRAHIM**

Timbalan Presiden PAS

kan mereka yang didapati menyeleweng dana YaPIEM dibawa ke muka keadilan," katanya.

Katanya, semua perkara ini boleh dilakukan Umno tanpa PAS, sebagai langkah menunjukkan kepada rakyat, terutamanya mereka yang beragama Islam, kesungguhannya untuk mendaulatkan Islam.

"PAS pula meneruskan kerja dakwahnya agar rakyat dapat turut bersama memperjuangkan Islam sebagai Ad-deen dalam pertadbiran dan kehidupan rakyat," katanya.

## Kerajaan halang hak Anwar dibedah di luar negara

**KUALA LUMPUR** - Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim ditawarkan Georgetown University Hospital, Amerika Syarikat supaya menjalani pembedahan di sana.

Peguam Anwar, Sivarasa Rasisah, berkata tawaran itu dinafikan Kerajaan Persekutuan dengan tidak membenarkan Anwar ke sana sebaliknya meminta pakar bedah itu ke negara ini untuk memberi rawatan.

"Georgetown University Hospital ada memberi tawaran untuk Anwar melakukan pembedahan di sana tetapi Kementerian tidak membenarkan dan meminta doktor pakar bedah di sana datang ke Malaysia.

"Sebab itu kami desak sebelum ini supaya Anwar diberikan fisioterapi yang kerap supaya kesakitannya dapat dikawal," kata Sivarasa dipetik Keadilan Daily.

Sebelum ini, ahli keluarga An-



Pelbagai pihak mendesak agar Anwar Ibrahim dibebaskan segera

war menuntut kerajaan membenarkan Anwar melakukan pembedahan di luar negara kerana tidak percaya kepada sistem negara ini yang berterusan menafikan rawatan disyorkan doktor pakar.

Sivarasa juga mendakwa, akses beliau serta peguam Anwar

yang lain disekat untuk bertemu anak guam mereka itu di penjara.

"Lawatan peguam kini seminggu sekali dan hanya sejam sahaja masa yang dibenarkan. Ini memudaratkan tugas kami dan menjadi halangan besar buat kami," kata Ahli Parlimen Subang itu.

## RUU MKN: Hanya Yang di-Pertuan Agong layak isytihar

**Lucas juga secara tidak langsung bersetuju dengan rakannya yang juga presiden Majlis Senator Malaysia (MSM), Tan Sri Abdul Rahim Abdul Rahman bahawa RUU berkenaan tidak mengikut perlembagaan**

**KUALA LUMPUR** - Yang di-Pertuan Agong paling layak untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan di bawah Rang Undang-Undang (RUU) Majlis Keselamatan Negara (MSN) 2015 kerana kedudukan baginda yang melampaui politik, kata seorang senator BN dari Sabah.

Kuasa yang diberikan kepada Perdana Menteri berhubung perkara itu sepatutnya diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong, kata Senator Lucas Umbul dari Pertubuhan Pasokmomo-

gun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) pada 22 Disember lalu.

Memetik Seksyen 18 RUU MSN, yang membolehkan Perdana Menteri mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan keselamatan untuk tempoh maksimum enam bulan, Lucas berkata, kuasa itu sepatutnya diberikan kepada baginda.

Katanya, kuasa yang luas seperti itu perlu diberikan kepada orang yang berkelayakan yang

kedudukannya yang melampaui politik, iaitu Yang di-Pertuan Agong.

Lucas menegaskan demikian ketika membahaskan RUU MSN di peringkat dasar di Dewan Negara.

Menurutnya, RUU itu memberi gambaran salah bahawa eksekutif mengambil kuasa Yang di-Pertuan Agong, yang secara tradisionalnya memegang kuasa untuk mengisytiharkan darurat.

Lucas adalah senator BN kedua yang tidak bersetuju dengan pe-

rintukan dalam RUU MSN yang memberi kuasa kepada perdana menteri untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan dibuag.

Sebelum ini, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) Senator Datuk Sim Kui Hian membuat gesaan sama.

Lucas juga secara tidak langsung bersetuju dengan rakannya yang juga presiden Majlis Senator Malaysia (MSM), Tan Sri Abdul Rahim Abdul Rahman bahawa RUU berkenaan tidak mengikut perlembagaan.

## RM47.8 juta atasi banjir Meru

**KLANG** - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM47.8 juta bagi mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di DUN Meru dan kawasan berhampiran.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata peruntukan besar itu adalah bukti jelas Kerajaan Negeri serius menangani masalah berkenaan.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor sudah memulakan beberapa projek penambahbaikan sistem saliran Sungai Binjai di Persiaran Hamzah Alang.

"Ia membabitkan jarak sejauh 1.5 kilometer bagi fasa pertama dengan kos RM10.5 juta diikuti

fasa kedua menerusi peruntukan RM16 juta serta terdapat projek lain yang rancak berjalan di sini dengan jumlah keseluruhan RM47.8 juta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke pusat pemindahan banjir Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meru di sini, pada 16 Disember lalu.

Sekurang-kurangnya 192 mangsa daripada 48 keluarga ditempatkan di pusat terabit.

Katanya, Kerajaan Negeri berpuas hati dengan tanggungjawab dijalankan jabatan dan agensi berkaitan dalam menjaga

semua mangsa ditempatkan di situ termasuk Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman dan pasukannya.



Selangor tolak ekstremisme:

## Hak dan kebajikan rakyat dipertahankan

OLEH AFIX REDZUAN

perkauman.

**KLANG** - Selangor akan terus menjadi perintis kepada perpaduan kaum tanpa selain mengekang tindakan pelampau agama yang dilihat cuba mengugat keharmonian semua.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata prinsip itu akan dikekalkan untuk terus memajukan negeri yang bukannya khusus bagi sesebuah kaum atau bangsa malah untuk semua rakyat.

"Bila berbincang tentang perpaduan, bukan untuk satu kaum dan agama tetapi untuk semua yang ada di dalam negeri serta negara.

"Terdapat suara beberapa kumpulan ekstrem yang cuba membangkitkan soal

"Namun, Kerajaan Negeri bertekad hak dan kebajikan akan dipertahankan demi menjamin kesejahteraan semua," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena Sambutan Rumah Terbuka Hari Krismas Peringkat Negeri Selangor Dataran GM Klang di sini, pada 19 Disember lalu.

Hampir 3,000 rakyat hadir memeriahkan rumah terbuka berkenaan yang turut diserikan dengan beberapa persembahan penganut agama Kristian.

Sempena sambutan Krismas, Kerajaan Negeri memberikan sumbangan berjumlah RM537,000 yang dibahagikan kepada beberapa gereja dan rumah kebajikan di seluruh Selangor.

## Tambahan RM150 juta atasi banjir kilat

**KLANG** - Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan RM150 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor bagi menangani masalah banjir kilat, tahun hadapan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata RM80 juta diperuntukkan bagi tujuan pembangunan, manakala RM70 juta untuk kerja penyelenggaraan kolam takungan.

Katanya, Kerajaan Negeri memandang serius kejadian banjir kilat yang berlaku dan JPS diberikan tanggungjawab besar untuk program pemulihan itu bagi menyelesaikannya.

"Kita sudah meningkatkan belanjawan untuk JPS daripada RM47 juta kepada RM80 juta supaya kita dapat mencapai itu ekoran masalah peruntukan terbatas sebelum ini.

"Isu penyelenggaraan kolam takungan di seluruh Selangor antara pihak berkuasa tempatan (PBT) dan JPS juga diatasi dengan Kerajaan Negeri menyerahkannya kepada JPS menerusi peruntukan tambahan RM70 juta," katanya, di sini, pada 16 Disember lalu.

Beliau berkata, walaupun banjir berlaku di Selangor tidak seburuk kejadian di negeri lain

tetapi ia memberi kesan buruk kepada ekonomi negeri dan menimbulkan kepayahan kepada rakyat.

Katanya, Kerajaan Negeri mengambil tindakan proaktif untuk mengatasinya di kebanyakan kawasan ditimpa masalah itu.

"Kita jalankan projek penambahbaikan sistem saliran di Meru, kerja menaikkan benteng kolam takungan di Tol Bukit Jelu-

tong, membina kolam takungan di Stadium Shah Alam dengan kos RM10 juta dan Alam Perdana (RM2.8 juta).

"Kita lakukan projek pembesaran Sungai Jelok di Kajang membabitkan kos RM5 juta awal tahun ini dan kini banjir tidak berulang lagi di sana. Program sama juga berlaku di daerah lain seperti Sepang, Semerang dan Kuala Selangor," katanya.

## Khusrin: Terima kasih Selangor

**SHAH ALAM** - Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi bersara wajib daripada perkhidmatan awam selepas lima tahun menjawat jawatan itu.

Beliau mula bercuti pada 17 Disember sebelum secara rasmi bersara sebagai penjawat awam pada 3 Januari 2016.

Mohammed Khusrin mengucapkan terima kasih atas kerjasama baik daripada semua penjawat awam sepanjang berkhidmat hampir 30 tahun di Selangor.

"Diharap semua berjalan lancar dan Kerajaan Selangor dapat meneruskan hubungan baik bersama pihak istana dalam melaksanakan program negeri.

"Pengganti saya diharap dapat memberi kerjasama dan mewujudkan hubungan baik supaya kita dapat mencapai misi Kerajaan Negeri sebagai 'smart state'," katanya pada majlis perpisahan di Bangunan SUK pada 16 Disember lalu.

Dalam majlis itu, Mohammed Khusrin diiringi Menteri Besar,

Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan bersalaman dengan penjawat awam sebelum meninggalkan pejabat buat kali terakhir.

Beliau juga memaklumkan tiada perancangan khusus setakat ini selepas bersara, sebaliknya akan menghabiskan cuti dengan berehat.

Menyentuh calon penggantinya, Mohammed Khusrin berkata, seramai sembilan nama dicadangkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setakat ini sebelum senarai pendek dikeluarkan.



1,735 hotspot siap dipasang

# WiFi Selangorku giat perluas

**PETALING JAYA** - Sebanyak 1,735 lokasi hotspot siap dipasang Wifi Selangorku membabitkan seluruh Selangor, sehingga 15 Disember lalu.

Exco Pendidikan, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata baki 2,200 kawasan hotspot bakal siap dipasang selewatnya akhir bulan ini.

Katanya, ia bagi melestarikan masyarakat berinfomasi, maka perkhidmatan Wifi Selangorku memberi kemudahan akses kepada pengguna dengan perkembangan isu semasa.

"Lokasi hotspot yang dipilih adalah kawasan tumpuan awam berdasarkan sasaran kita kepada empat golongan iaitu belia dan pelajar, berpendapatan rendah, mereka yang tinggal di luar bandar dan lokasi tumpuan pelanggan.

"Semua hotspot Wifi dipasang menggunakan teknologi *Fiber Optic* dengan kelajuan minima 30 mbps iaitu 'High Speed Broadband', katanya ketika pelancaran Wifi Selangorku di Pangsapuri Damai, di sini, 18 Disember lalu.



Turut hadir adalah Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain dengan tiga hotspot siap dipasang di tiga blok Pangsapuri Damai.

"Kita berharap perkhidmatan ini dapat membuat lonjakan ke arah 'Digital Government' seterusnya menjadikan Selangor 'Smart State' menjelang 2020," katanya.

TINJAUAN ORANG RAMAI

## WiFi SELANGORKU

Bantu golongan sasaran mendapatkan informasi dan ilmu dalam melahirkan masyarakat berpendidikan selari dengan perkembangan teknologi tinggi

Kemudahan sudah tersedia, sewajarnya dimanfaatkan sebaik mungkin. Urusan dengan pelanggan dan promosi produk niaga saya lebih pantas.

Kemudahan ini, mendedahkan saya kepada dunia perniagaan secara atas talian dan meningkatkan pendapatan



Rohaya Sakari, Peniaga

Sebagai pelajar, kita tidak ada pendapatan untuk bayar kos internet setiap bulan. Wifi percuma ini sangat meringankan beban kami, di samping kelajuannya juga pantas dan mudah di akses

Azli Aznan, Pelajar

Dengan wifi percuma beliau berpeluang mendapat informasi terkini dengan lebih cepat dan 'up to date'.

Lebih mudah untuk kita mendapat berita semasa bukan sahaja di Malaysia, malahan di luar negara



Mohd Nor Ansori, Jurutera

## Smart Selangor Inkubator perkasa belia

**KLANG** - Smart Selangor Inkubator ruang khusus kepada golongan belia membina kerjaya dalam bidang perniagaan.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata sekurang-kurangnya empat inkubator disediakan Kerajaan Negeri membabitkan daerah Klang, Kuala Langat, Hulu Selangor dan Sabak Bernam.

Katanya, kos pembinaan bagi setiap inkubator ialah RM150,000 meliputi sewaan bangunan, barangan peralatan dan sebagainya.

"Kita mengharapkan ia menjadi pusat bagi usahawan di kampung tradisi atau desa membina kerjaya selepas mereka menamatkan kursus diikuti.

"Tumpuan diberikan kepada mereka yang mengikuti kursus di bawah Kerajaan Negeri termasuk dengan kerjasama *Impens International College (Impens)* dan *Institut Kulineri Anjung Utara*," katanya.

Beliau berkata demikian

**Kita jangkakan dalam tempoh enam hingga dua tahun seseorang peserta ditempatkan di sini akan mampu membina kerjaya**

### YUNUS HAIRI

Exco Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi

selepas Majlis Perasmian Smart Selangor Inkubator Daerah Klang di Bazaar Asy Syariff Pekan Meru, pada 22 Disember lalu.

Yunus berkata, bentuk atau pilihan perniagaan di sesuatu inkubator bergantung kepada kesesuaian tempat.

Mengambil contoh daerah Klang, Yunus berkata bidang penghawa dingin, jahitan, rawatan rambut, kecantikan, elektrik dan automotif mempunyai potensi tinggi untuk dimajukan.



Katanya, setiap peserta ditempatkan di situ akan dipantau pegawai *Impens* dan Kerajaan Negeri termasuk Pusat Khidmat Masyarakat DUN Meru.

"Kita jangkakan dalam tempoh enam hingga dua tahun se-

orang peserta ditempatkan di sini akan mampu membina kerjaya dengan beroleh pendapatan disasarkan seterusnya digantikan dengan peserta lain.

"Kerajaan Negeri juga akan turut membantu peserta memerlukan

seperti mana terdapat dalam program HURAH," katanya.

Ahmad Yunus berkata, projek perintis itu diharap membuah hasil kejayaan dan menjadi satu perancangan susulan bagi seluruh Selangor.

## Peneraju Rumah Mampu Milik

# Rumah Selangorku di Bangi, RMM pertama di Malaysia

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Projek perumahan pertama di negara ini yang berkonsepkan kediaman selesai pada harga berpatutan dengan menggunakan terminologi 'rumah mampu milik (RMM)' dibina di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata ia membuktikan Selangor sentiasa selangkah di hadapan dalam menjaga kesejahteraan rakyat.

"Projek perumahan Rumah Selangorku Seksyen 3, Bandar Baru Bangi membabitkan 124 unit kediaman adalah projek

RMM pertama seadanya dilancarkan iaitu pada Jun 2011.

"Pada awalnya, ia ditawarkan kepada warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan sebanyak 40 peratus lagi ditawarkan kepada golongan muda berumur kurang 35 tahun yang belum memiliki kediaman sendiri," katanya kepada Selangor Kini.

Iskandar berkata, Rumah Selangorku di Bangi juga merupakan antara 1,682 yang berjaya disiapkan Kerajaan Negeri pada 2013.

Dua projek lagi yang turut disiapkan adalah 136 unit di bandar Sungai Long, Kajang dan 1,422 unit di Bukit Botak, Selangor pada 2013.



## Terminologi 'Rumah Mampu Milik' lahir di Selangor

**SHAH ALAM** - Terminologi 'rumah mampu milik (RMM)' adalah ilham Kerajaan Selangor apabila memperkenalkan konsep kediaman selesai pada harga berpatutan pada 2009.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad, berkata terminologi sama kemudiannya mula diguna pakai secara meluas termasuk projek perumahan RMM yang diusahakan Kerajaan Persekutuan, PR1MA dan negeri lain.

"Bermula di Selangor, Kerajaan Negeri melahirkan idea mengusahakan rumah kategori mampu milik, malahan terminologi rumah mampu milik (RMM) itu sendiri, Selangor yang mula-mula memperkenalkan

"Ia dimulakan di Bangi pada awal Jun 2011. Beberapa bulan selepas itu, ia menjadi ikutan apabila Kerajaan Persekutuan melancarkan projek RMM mereka," katanya kepada Selangor Kini.

Iskandar berkata, harga Rumah Selangorku yang realistik dan peduli rakyat merupakan antara faktor menjadikan ia mendapat sambutan menggalakkan oleh masyarakat yang mengimpikan kediaman sendiri.

"Pada awal 2015, kerajaan negeri mensasarkan sebanyak

**RUMAH SELANGORKU**  
Ditawarkan pada harga **RM42,000 - RM250,000** juga lebih berpatutan dan realistik berbanding rumah **PR1MA** yang mencecah sehingga **RM400,000**

15,000 unit RMM dibina tahun ini tetapi sasaran itu dinaikkan kepada 20,000 unit selepas mendapati hampir 15,000 unit berjaya dilancarkan dalam hanya beberapa bulan sahaja," katanya.



## PKNS sambut saranan Sultan, bina lebih banyak RMM

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kewangan Negeri Selangor (PKNS) menjangkakan 7,500 projek pembinaan rumah mampu milik (RMM) mampu dibangunkan secara berperingkat menjelang 2019.

Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah, berkata komitmen itu selari dengan saranan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mahu RMM lebih banyak dibangunkan.

"Kita juga mengambil maklum sasaran Kerajaan Negeri yang mahu membina RMM sebanyak 20,000 menjelang 2019.

"Kita mahu memberi peluang kepada golongan muda untuk memiliki kediaman sendiri. Jadi, PKNS yakin pembinaan ini akan dapat direalisasikan hidup baru kepada rakyat negeri ini," ka-

tanya.

Beliau berkata kepada pembe-rita selepas menandatangani perjanjian jual beli hartanah dengan Ketua Pegawai Eksekutif Worldwide Holdings Berhad, Datin Paduka Norazlina Zakaria.

Sementara itu, Azlan berkata, PKNS akan membina 4,471 unit Rumah Selangorku Idaman PKNS di Kota Puteri akan siap sepenuhnya pada 2023.

Manakala, Worldwide pula akan membina 1,400 unit Rumah Selangorku di kawasan sama.

"Ini merupakan tanggungjawab bersama pemaju di negeri ini menyediakan rumah untuk rakyat Selangor," katanya.



**Kita juga mengambil maklum sasaran Kerajaan Negeri yang mahu membina RMM**

**AZLAN MD ALIFIAH**  
Pengurus Besar PKNS

## SELANGOR SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Muaz Omar  
**KETUA PENGARANG:** Cecelia Alphonsus  
**PENGARANG:** Nurul Farina Nazlan  
**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut, Naem Rafi

**WARTAWAN:**

Afeeqa Afeera: afeeqa@mediaselangor.com,  
Hafizan Taib: hapizantab@mediaselangor.com,  
Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,  
Alix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,  
Norhayati Umer: hayati@mediaselangor.com,  
Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,  
Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

**JURUGAMBAR:** Asri Saqfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob  
**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,  
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

OLEH NAZLI IBRAHIM

BN 'ringankan' beban rakyat

# Najib disindir 'hidup di awang-awang'

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak disindir 'hidup di awang-awang' ekoran kenyataan di blognya, 'kerajaan sedaya upaya meringankan beban rakyat ekoran kenaikan kos sara hidup'.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, berkata kenyataan Najib itu retorik apabila tindakan Umno-Barisan Nasional (BN) sebelum ini tidak mengganggarkan apa dinyatakan Najib.

"Beliau sendiri penyebab kos sara hidup menerusi dasar potongan subsidi dan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

"Adakah rakyat sedang disaji propaganda murahan tajaan mana-mana syarikat? Maka penting untuk kita menilai sebab utama

kemelut ekonomi dihadapi," kata Nurul Izzah kepada Selangor Kini, pada 21 Disember lalu.

Katanya, keputusan Kerajaan Persekutuan menaikkan kadar tol dan tambang pengangkutan awam menambah kesengsaraan rakyat khususnya bagi berpendapatan rendah dan sederhana.

Jelasnya, keperitan ditang-

gung rakyat ditambahkan lagi dengan jawapan kurang bijak dan menyakitkan hati daripada beberapa menteri kabinet Najib.

Untuk rekod, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk

Seri Shahidan Kassim dan bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hassan Malek pernah mengeluarkan tidak sensitif berhubung isu kenaikan kos sara hidup yang mengundang kecaman rakyat.

Selain beberapa menteri, Najib sendiri turut tidak terlepas mengeluarkan beberapa ke-

nyataan tidak sensitif yang akhirnya menjadi bahan cemuhan rakyat terhadap beliau.

Antaranya, Najib sambil mengesyorkan rakyat memakan sayur kangkung ekoran harganya yang murah, turut mempersoalkan keengganan rakyat memuji kerajaan kerana kemampuan kerajaan memastikan harga kangkung kekal murah.

## Parlimen EU tegur isu RM2.6 bilion, penjara Anwar

**SHAH ALAM** - Parlimen Kesatuan Eropah (EU) menggesa Putrajaya lebih telus dan adil dalam siasatan membabitkan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan derma RM2.6 bilion dalam akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim, berkata melalui resolusi itu EU menyertai badan global termasuk Transparency International dan media termasuk penyiasat dari Hong Kong, Singapura, Switzerland, United Kingdom, dan Amerika Syarikat supaya Kerajaan Malaysia menggesa siasatan terhadap 1MDB.

"Berhubung dakwaan rasuah, EU menggesa agar 'siasatan bebas dan adil' dan kerajaan tidak seharusnya menekan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan media," katanya dalam kenyataan pada 19 Disember lalu.

Sim berkata, resolusi itu memalukan negara dan jika tidak ditangani, skandal 1MDB akan terus menyumbang nama buruk

kepada Malaysia di peringkat antarabangsa.

Katanya, resolusi itu turut menyentuh penggunaan Akta Hasutan 1948, sekatan perdebatan umum dan penguapan bebas selain Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang baru diluluskan di Parlimen sebelum ini.

"Di bawah Akta Hasutan sendiri menyaksikan sekurang-kurangnya 78 disiasat atau didakwa sejak awal 2014," kata resolusi itu.

EU turut membangkitkan penahanan bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas kesalahan fitnah liwat 2 pada Februari 2015 dengan menyifatkan ia sebagai 'pendakwaan berasaskan politik' serta mengakibatkan pendakwaan jenayah tidak mematuhi standard percaraan antarabangsa.

"Beliau (Anwar) turut dinafikan hak mendapatkan rawatan perubatan.

"Kebimbangan disuarakan resolusi Parlimen EU ini bukan baha-

## Laporan akhir 1MDB tangguh Februari 2016

**SHAH ALAM** - Laporan akhir Ketua Audit Negara berkenaan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang sepatutnya dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada 18 Disember lalu hanya siap, pada Februari tahun depan.

Ahli PAC, Tony Pua, berkata punca kelewatan itu adalah kerana Ketua Audit Negara masih belum menerima beberapa dokumen tertentu.

"Kami diberitahu bahawa mereka (Jabatan Audit Negara) baru sahaja menerima beberapa dokumen tetapi masih belum mendapatkan dokumen lain yang dijanjikan kepada mereka," katanya memetik laporan Malaysia Kini.

Bagaimanapun, katanya PAC tidak diberitahu apa dokumen yang masih hilang untuk melengkapkan laporan audit ke atas 1MDB itu.

"Kami dimaklumkan bahawa laporan itu akan siap, pada Februari," katanya.

Beliau enggan mendedahkan jika Presiden dan Pegawai Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda Kandasamy yang hadir pada pendengaran PAC menjelaskan sebab ketidakupayaan syarikat milik kerajaan itu mengemukakan dokumen terbabit.

Sebelum ini, Pengerusi PAC, Datuk Hasan Ariffin, berkata laporan akhir Ketua Audit Negara dijangka dibentangkan kepada PAC.

Katanya, terdapat beberapa individu lain dalam senarai PAC untuk dipanggil semula termasuk bekas Presiden 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

"Tan Sri Lodin dan Tan Sri Bakke Salleh akan datang juma-pa PAC, pada 19 dan 20 Januari (2016), dua pengerusi dan bekas pengerusi 1MDB ini akan dipang-



Tony Pua

gil secara berasingan," katanya. Ditanya bila Shahrol akan dipanggil, Pua berkata, tarikh berkenaan belum ditetapkan lagi.

"Pengerusi (Datuk Hassan Ariffin) belum ditetapkan, hanya dua nama sudah ditetapkan tarikh. Ahli PAC yang lain turut minta Shahrol dan bekas CEO Hazeem (Abdul Rahman) dipanggil lagi," katanya.



## Dewan Negara perlu rujuk RUU MKN untuk kajian lanjut

**SHAH ALAM** - Dewan Negara perlu memohon Peraturan Mesyuarat 74 untuk merujuk Rang Undang-undang (RUU) Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada Jawatankuasa Pilihan bagi kajian lanjut terhadap undang-undang itu.

Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang, berkata sepatutnya tidak wujud 'sandiwara Parlimen' apabila ahli Dewan Negara Barisan Nasional (BN) dibenarkan mengkritik RUU tetapi dipaksa mengundi pada akhir perbincangan.

Kit Siang turut memuji bebera-

pa senator kerana berani berkata benar mengikut kata hati sendiri.

"Senator BN yang mencuri perhatian adalah Tan Sri Abdul Rahim Abdul Rahman, yang melahirkan kebimbangan RUU itu mungkin tidak mengikut Perlembagaan dan menyalahi undang-undang," katanya dalam kenyataan pada 22 Disember lalu.

Kit Siang berkata Rahim turut mempersoalkan kuasa diberikan kepada pasukan keselamatan menempatkan semula orang, serta memperoleh tanah dan harta, yang dengan jelas melang-

gar Perkar 9 terhadap Larangan Buang Negeri dan Kebebasan Bergerak serta Fasal 13 Hak Harta Perlembagaan.

"Walaupun hujah tajam dan kukuh terhadap RUU MKN, adakah Rahim mengundi bagi RUU itu pada bacaan kedua dan ketiga apabila tiba masa untuk mengundi di Dewan Negara?"

"Persoalan sama kepada semua senator BN, yang tiba-tiba memperoleh keberanian menyuarakan kebimbangan rakyat dan jujur kepada hati nurani mereka sendiri?" katanya.

Retorik perpaduan Melayu

# Propaganda usang diulang

**SHAH ALAM** - Propaganda usang kononnya kuasa Melayu dan Islam kian terhakis terus dimainkan Umno untuk mengalih perhatian kepincangan parti itu.

Ketua Angkatan Muda KEADILAN, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata kenyataan itu hanya sandiwara Umno untuk meyakinkan Melayu kononnya kaum itu akan tertindas tanpa parti terbabit.

Hakikatnya, beliau berkata rakyat tanpa mengira kaum hari ini sudah terbeban

dengan pelbagai dasar kerajaan yang dikuasai Umno.

"Orang Melayu adalah majoriti dalam kumpulan 40 peratus rakyat berpendapatan paling rendah dan terpaksa bergelut dengan dasar itu.

"Bantuan demi bantuan di beri sebenarnya lebih mem-

perkayakan golongan elit yang ramai dalam kalangan mereka mempunyai kaitan rapat dengan pemimpin Umno.

"Pelbagai bantuan cuba diberikan sekian lama, namun jurang ekonomi antara Melayu miskin dan Melayu kaya semakin melebar," katanya dalam kenyataan, di sini.

Pada masa sama, Nik Nazmi berkata, walaupun perpaduan adalah idealisme unggul, namun ia mesti berlandaskan prinsip keadilan dan kebebasan.

Katanya, Umno juga akan terus mengulang retorik perpaduan Melayu untuk menyelamatkan diri, namun kaum itu akan berpadu menolak kebobrokan parti itu.

"AMK yakin rakyat tidak lagi mudah termakan propaganda perpaduan Melayu yang cuba disampaikan Umno terutama pasca perhimpunan agung parti itu, baru-baru ini.

"Rakyat sudah maklum, setiap kali terhimpit, UMNO akan lebih lantang dan kerap menyuarakan perpaduan Melayu dengan harapan ia akan dapat mengalih perhatian ramai daripada kepincangan parti itu," katanya.

**Setiap kali terhimpit, UMNO akan lebih lantang dan kerap menyuarakan perpaduan Melayu dengan harapan ia akan dapat mengalih perhatian ramai daripada kepincangan parti itu**

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
Ketua Angkatan Muda KEADILAN



## Umno berdepan sakaratul maut

**SHAH ALAM** - Tindakan Umno yang cuba berbuat baik dengan PAS seakan meminta nyawa ketika parti yang sinonim dengan perjuangan kaum Melayu itu sedang menghadapi sakaratul maut.

Pesuruhjaya PAS Kedah, Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruddin, berkata masalah besar yang sedang melanda Umno terus terserlah dalam perhimpunan agung parti itu, baru-baru ini.

"Walaupun Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak menggunakan pelbagai 'sekatan' dalam perhimpunan itu bagi menggambarkan kononnya mereka tidak berpecah, namun ia tetap jelas kelihatan.

"Selain itu, terdapat pihak berkepentingan kelihatan menyokong Najib tetapi golongan lebih besar khususnya di akar umbi pula menyanggah presiden parti itu," katanya yang dipetik Sinar Harian, di sini, pada 17 Disember lalu.

Fakhruddin berkata, Umno terus menjadi sasaran kemarahan rakyat terutama apabila terpalit dengan pelbagai isu besar antaranya 1Malaysia Development Berhad (1MDB), derma RM2.6 bilion, cukai barangan dan perkhidmatan (GST), kenaikan tol juga pengangkutan awam, penghapusan subsidi dan perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP).

"Isu itu secara tidak langsung menjadikan Umno kelihatan sangat nazak dan kelemasan,"



**Walaupun Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak menggunakan pelbagai 'sekatan' dalam perhimpunan itu bagi menggambarkan kononnya mereka tidak berpecah, namun ia tetap jelas kelihatan**

**DR AHMAD FAKHRUDDIN**  
Pesuruhjaya PAS Kedah

katanya. Terdahulu, Umno menyatakan kesediaannya untuk bekerjasama dengan PAS bagi memastikan pentadbiran akan datang tidak jatuh ke tangan pembangkang pro-DAP.

## YaPEIM miliki alat simulator golf

**SHAH ALAM** - Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) didakwa memiliki peralatan simulator golf di sebuah pusat latihan, kata Pengarah Pusat Pemantauan dan Pendedahan Maklumat Kebangsaan (NOW), Akmal Nasrullah Mohd Nasir.

Akmal turut mempersoalkan keperluan YaPEIM untuk memiliki simulator itu sedangkan ia sebuah yayasan berteraskan amal jariah dengan misi 'Membangun Ummah Melalui Budaya Beramal Jariah'.

Akmal membentangkan dua dokumen iaitu penyata kewangan YaPEIM 2014 dan belanjawan YaPEIM 2013.

"Laporan Bajet 2013 menunjukkan Kelab Sukan Korporat YaPEIM menjalankan lapan aktiviti golf bersama warganya dan kaitangan agensi lain.

"Aktiviti lain (golf) adalah untuk menubuhkan sebuah 'Pusat Latihan Input Golf' sebagai khid-



mat latihan program sukan korporat untuk YaPEIM," katanya mengikut apa yang terkandung di dalam laporan belanjawan 2013 itu yang dipetik Malaysia Kini, pada 17 Disember lalu.

INPUT atau Institut Penyelidikan dan Perundingan Yapeim Sdn Bhd adalah salah satu daripada enam anak syarikat yang dimiliki YaPEIM.

Perniagaan utama INPUT untuk menyediakan perkhidmatan latihan, penyelidikan dan pe-

rundingan pelbagai perkara yang memberi faedah kepada masyarakat Islam mengikut sistem pengurusan moden yang berlandaskan hukum Syarak.

Beliau juga menunjukkan gambar pusat sukan itu yang didakwa terletak di pusat komersial popular, Mentari Business Park yang turut memaparkan papan tanda 'Pusat Latihan INPUT Golf' dan papan tanda dimiliki oleh 'YaPEIM INPUT' di hadapan premis berkenaan.

Sehubungan itu, Akmal menuntut YaPEIM mendedahkan kos dan jumlah peralatan simulator golf yang dibeli.

## Terpulang Muhyiddin tubuh parti baru

**SHAH ALAM** - Terpulang kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk terus kekal bersama Umno atau menubuhkan parti baru ketika perselisihannya bersama Presiden, Datuk Seri Najib Razak terus disaksikan semua walaupun salam silaturrahim sudah dihulurkan.

Ahli Parlimen Serdang, Dr Ong Kian Ming, berkata demokrasi dalam Umno tidak lagi wujud hingga mengakibatkan Muhyiddin tidak dibenarkan bercakap di hadapan perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno (PAU) lalu.

"Apa yang saya boleh lihat daripada luar, amalan demokrasi dalam Umno yang dipuji Datuk Seri Najib tidak lagi wujud kerana ini kali pertama Timbalan Presiden tidak dibenarkan berucap.

"Ini adalah amalan demokrasi tidak sihat," katanya kepada Selangor Kini, pada 13

**Apa yang saya boleh lihat daripada luar, amalan demokrasi dalam Umno yang dipuji Datuk Seri Najib tidak lagi wujud kerana ini kali pertama Timbalan Presiden tidak dibenarkan berucap. Ini adalah amalan demokrasi tidak sihat**

**ONG KIAN MING**  
Ahli Parlimen Serdang

Disember lalu. Namun, katanya, rakyat kini bijak menilai berdasarkan pemerhatian sebelum membuat keputusan terbaik untuk mereka.



PKNS-Worldwide Holdings Berhad kerjasama bangun bandar baru

# Kota Puteri mampu saingi Kota Damansara



OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Worldwide Holdings Berhad menjalin kerjasama memajukan bandar baru yang kini rancak membangun, Kota Puteri.

Berkeluasan 2,000 ekar di lokasi strategik, Kota Puteri bakal menjadi mercu tanda di kawasan 'Greater' Sungai Buloh apabila PKNS memeterai perjanjian jual beli tanah bersama Worldwide.

Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah, berkata jual beli tanah kepada Worldwide bernilai RM139 juta itu membabitkan 213.5 ekar.

"Kawasan ini akan dimajukan pembangunan bercampur

yang mensasarkan kumpulan berpendapatan tinggi dan pertengahan. Kami percaya dengan adanya pemaju berpengalaman seperti Worldwide, ia akan merancakkan lagi pembangunan di kawasan ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani perjanjian jual beli hartanah dengan Ketua Pegawai Eksekutif Worldwide Holdings Berhad, Datin Paduka Norazlina Zakaria, di sini, pada 16 Disember lalu.

Azlan juga yakin melalui langkah itu, ia akan melengkapi pembangunan Kota Puteri untuk menjadi bandar membangun seperti bandar lain yang diwujudkan PKNS.

"Dalam lima tahun, kita berharap langkah strategik ini dapat menjadikan Kota Puteri seperti pembangunan di Kota Damansara," katanya.

Sementara itu, Norazlina berkata, pembangunan bercampur itu akan berkonsep 'modern and majestic' dengan jangkaan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM1.4 bilion.

Katanya, pembinaan dengan nama Puteri Bestari dijangka siap sepenuhnya pada 2026.

Kota Puteri mempunyai prospek pelaburan berdaya maju ditambah dengan pelbagai prasarana lengkap seperti Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR).

## 400 wanita India sertai Simposium Pembangunan Ekonomi

**SHAH ALAM** - Lebih 400 wanita warga India menyertai Program Simposium Pembangunan Ekonomi Wanita Selangor 2015 anjuran Kerajaan Negeri dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan Dan Kerajaan Prihatin, V. Ganabatirau, berkata program khusus buat kaum wanita berbangsa India itu bertujuan memberi pendedahan dalam sektor perniagaan sekaligus meningkatkan ekonomi mereka.

"Kita bersama badan NGO dalam usaha untuk memperkasakan wanita tentang menaik taraf kehidupan melalui perniagaan dengan pembentangan dari ahli panel yang berkaliiber."

"Menerusinya, kita tampilkan ahli panel berjaya dalam bidang perniagaan untuk berkongsi ilmu, motivasi dan tips merancang perniagaan dengan berkesan," katanya kepada Selangor Kini.

Selain itu, katanya, para wanita itu juga turut diberi pendedahan berkenaan Program Hijrah, Program Pembasmian Kemiskinan dan wakil dari syarikat kewangan untuk bagaimana mereka ingin membuat pinjaman.

Program julung kali anjuran Exco Pekerja Ladang, Kemiski-



**Kita bersama badan NGO dalam usaha untuk memperkasakan wanita tentang menaik taraf kehidupan melalui perniagaan dengan pembentangan dari ahli panel yang berkaliiber**

**V. GANABATIRAU**  
Exco Kerajaan Prihatin

nan Dan Kerajaan Prihatin itu berlangsung di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ).

## RM2.75 juta bantu tingkat pendapatan penduduk desa

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi akan memanfaatkan peruntukan hampir RM2.75 juta bagi program kursus pengukuhan kemahiran dan berimpak tinggi dalam usaha membangunkan pendapatan desa serta luar bandar.

Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata jumlah itu sebahagian daripada RM40.48 juta yang diumumkan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Katanya, program Industri Komuniti Kampung Negeri Selangor antara contoh program yang berjaya mengubah kehidupan dan pendapatan peserta.

"Ada juga peserta yang mendapat 'blue print' tetapi tidak mendapat kursus. Saya akan libatkan mereka supaya peralatan yang diberi dapat dimanfaatkan serta mengukuhkan pendapatan," katanya kepada Selangor Kini.

Ahmad Yunus sebelum itu menyerahkan sumbangan barangan

keperluan perniagaan kepada 95 peserta yang berjaya menamatkan kursus bersama INPENS dan ITKAU bertempat di foyer SUK, pada 17 Disember lalu.

Katanya, pemantauan juga akan dibuat secara berkala terhadap peserta yang menerima bantuan peralatan sambil dibantu Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) serta agensi pengendali kursus, Kolej Antarabangsa Inpens (INPENS) dan Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (IKTAU).







Pelbagai tanaman buah-buahan tempatan dijual pada harga berpatutan

Pertanian maju seiring sektor lain

# Selangor rangka strategi tingkat hasil tani

OLEH AFEeqA AFEERA

**KUALA SELANGOR** - Peratusan hasil pertanian Selangor membarangsangkan walaupun negeri termaju itu menerajui sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkara itu boleh dilihat dengan jelas apabila program taman kekal pengeluaran makanan Selangor menyumbang 42.7 peratus daripada hasil negara.

"Selangor sedang merangka strategi jangka panjang dalam usaha menghasilkan produk asas tani bermutu tinggi dan memberikan pulangan baik ke-

pada pengusaha.

"Selangor juga berusaha meningkatkan pelaburan strategik bagi menjana lebih banyak peluang ekonomi dalam sektor pertanian sekaligus menjadi pengeluar makanan utama di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Perasmian Selangor Agrofest 2015 di Kompleks Sukan Kuala Selangor, 19 Disember lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri memberi jaminan Selangor menjadi pengeluar makanan utama dengan kemahiran teknologi dan menguasai global 'supply chain'.

Beliau berkata, konsep jaminan bekalan makanan itu akan mengunapakai kaedah 'food belt' dan 'food priority' yang menjadi asas kepada dasar pertanian Selangor.

"Kerajaan Negeri bersedia menyediakan khidmat nasihat dan tapak ladang pertanian dengan penggunaan teknologi bagi menentukan jenis tanaman yang memberi pulangan tinggi," katanya.

Bagi memangkinkan pertumbuhan positif dalam sektor pertanian, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM26 juta untuk perbelanjaan pembangunan pada Belanjawan 2016.

## Hanya yang layak terima bantuan

**KUALA SELANGOR** - Program berkaitan pertanian terus mendapat sokongan Kerajaan Negeri baik daripada segi teknikal, nasihat mahupun bantuan peralatan.

Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata bagaimana pun bantuan itu akan dipaparkan dipantau dengan teliti bagi

memastikan hanya mereka yang layak menerima manfaat.

"Setiap bantuan diberi akan dipantau daripada segi hasil diperolehi selepas satu tempoh tertentu oleh jawatankuasa merangkumi jabatan berkaitan.

"la bagi memastikan setiap ringgit dikeluarkan Kerajaan Negeri untuk tujuan bantuan sokongan kepada usahawan pertanian mendatangkan hasil tinggi,"

katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Selangor Agrofest 2015 di Kompleks Sukan Kuala Selangor, 19 Disember lalu.

Pada masa sama, Zaidy berkata, antara program baru yang akan dilaksanakan pada 2016 adalah seperti Agro Generasi Muda Selangor (AGROGEMS) dan pembukaan kawasan pertanian baru untuk dimajukan.

## Landasan usahawan tani promosi produk

**KUALA SELANGOR** - Selangor Agrofest 2015 berjaya menjadi landasan usahawan tani mempromosikan produk darat dan laut merangkumi industri asas tani (IAT).

Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata pengaturannya juga bertujuan mendi-dik usahawan kecil mencontohi syarikat yang berjaya memasarkan produk secara global.

"Bagi mereka yang menggemari pertanian, terdapat ruang pameran jabatan dan agensi berkaitan untuk mendapatkan khidmat nasihat teknikal atau kaedah pertanian, penternakan dan perikanan sama ada secara komersial atau hobi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Perasmian Selangor Agrofest 2015 di Kompleks Sukan Kuala Selangor, di sini, 19 Disember lalu.

Majlis yang disempurnakan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali itu turut dihadiri Exco Hal Ehwal Agama

“

Bagi mereka yang menggemari pertanian, terdapat ruang pameran jabatan dan agensi berkaitan untuk mendapatkan khidmat nasihat

**Zaidy Abdul Talib**  
Exco Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani

Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman.

Program tahunan bermula 17 hingga 20 Disember itu menghimpunkan lebih 100 peniaga dan usahawan dengan pelbagai produk dan maklumat kepada orang ramai.

## Usaha penternak kambing susu berbaloi

**SHAH ALAM** - Anugerah Penternak Terbaik Selangor Agrofest 2015 menjadi milik Talha Abdul-lah, 46, yang menjalankan perniagaan kambing susu lebih sedekad lalu.

Beliau yang berasal dari Ran-tau Panjang, Klang, mengucapkan terima kasih dan berharap kejayaannya menjadi pendorong kepada lebih ramai masyarakat menyertai bidang penternakan.

"Sangat seronok dan rasa berbaloi dengan usaha saya selama ini. Ia suatu yang tidak disangka setelah sekian lama berada dalam bidang ini," katanya kepada Selangor Kini.

Pada majlis itu, turut disampaikan Anugerah Petani dan Nelayan Terbaik kepada pemenang dengan hadiah wang tunai berjumlah RM5,000 beserta trofi dan sijil.



OLEH AFEEQA AFEERA

**C**empuling bukanlah nama asing dalam seni muzik tradisional masyarakat Jawa, namun ia kurang mendapat tempat di hati orang ramai.

Bukan kerana muziknya lapuk, tetapi generasi masa kini lebih cenderung mengisi jiwa dengan dengan aliran muzik moden.

Lahir sekitar 1920-an di Tanah Melayu, cempuling berasal daripada keturunan Wali Songo dan dikesan mula bertapak di Kampung Meru, Klang pada 1928.

Ia adalah medium dakwah yang mengajak masyarakat ke arah mendekati Islam melalui kesenian sewaktu pemerintahan kerajaan Demak pimpinan Sunan Kalijaga.

Walaupun corak permainan muziknya seakan-akan kompong, namun alunan lagu dan iramanya yang lebih rancak dengan lirik ketuhanan menjadikan cempuling satu identiti unik.

Memiliki antara tujuh hingga sembilan ahli dalam satu kumpulan, cempuling dimainkan secara bertingkah dan terbahagi kepada dua kategori alatan muzik iaitu gendang dan rebana.

Jumlah asas alatannya adalah enam iaitu gendang panjang, gendang eteng-eteng yang merupakan elemen wajib, rebana gong, rebana kempung, dan dua rebana kumpul.

Mengimbu sejarah cempuling, Pembantu Pengurusan Pentas Temasya Seni Cempuling Selangor, Dr Ibrahim Ghaffar, berkata ia adalah seni warisan bangsa yang baik dengan gabungan tersurat dan tersirat.

Katanya, tersurat merujuk kepada seni persembahan melalui muzik yang dimainkan, sementara tersirat adalah dakwah yang mengajak kepada kebaikan.

"Apabila saya berpindah ke Kampung Bukit Kapar awal 1980-

**Apabila diundang untuk membuat persembahan di beberapa hotel, ia lebih menambah semangat kami dan usaha saya mencari identiti seni itu dirasakan sangat berbaloi. Apatah lagi ia adalah muzik tradisional masyarakat Jawa yang merupakan tempat asal keluarga saya**

**DR IBRAHIM GHAFFAR**  
Pegiat Seni Cempuling



# Cempuling sebar dakwah dalam lagu

an, cempuling hampir pupus ketika itu, jadi saya buat penyelidikan secara ala kadar pada mulanya.

"Tetapi apabila jumpa perkara yang memberi rangsangan, saya sanggup merantau hampir ke seluruh tempat di Jawa untuk mencari susur galurnya," katanya kepada Selangor Kini.

Dalam usaha mencari identiti seni itu, Ibrahim dipertemukan dengan pewaris generasi kedua, Wak Man yang memiliki peralatan termasuk kitab asli muzik cempuling.

Katanya, kitab muzik itu mengandungi lirik lagu, syarat dan hukum seni cempuling sebenar yang diwarisi daripada generasi pertama seni cempuling.

Dengan keizinan daripada Wak Man, beliau membawa pulang peralatan itu untuk ditunjukkan kepada kumpulan cempuling di Selangor bagi tujuan menimba ilmu.

Mengambil masa antara tiga hingga empat bulan menguasai sepenuhnya seni itu, Ibrahim berkata, mereka mula berjinak-jinak membuat persembahan di majlis

keraian sebelum berkembang kepada majlis rasmi seperti di pejabat kerajaan.

"Apabila diundang membuat persembahan di beberapa hotel, ia lebih menambah semangat kami dan usaha saya mencari identiti seni itu dirasakan sangat berbaloi.

"Apatah lagi ia adalah muzik tradisional masyarakat Jawa yang merupakan tempat asal keluarga saya," katanya dengan linangan air mata.

Biar pun ada yang mengangap seni itu boleh melalaikan, namun katanya, cempuling menyelitkan unsur agama seperti memperkenalkan rukun iman, rukun Islam, rukun solat, dan zakat. Katanya, warisan nenek moyang yang dibawa sarat dengan unsur agama, namun hampir dilupakan hingga beliau sebak setiap kali berbicara soal itu.

Ibrahim berkata, setiap lirik mengandungi potongan hadis dan ayat al-Quran namun diintonasikan dalam bahasa Jawa sebagai pedoman dan nasihat kepada masyarakat Islam.

"Apabila kita dapat salinan asal, kita salin semula lirik lagu itu dan digunakan sehingga hari ini dalam kumpulan cempuling, namun muziknya diraccakan," katanya.

Atas kesungguhan itu, Pejabat Pendidikan Daerah Klang bersetuju menjadikan cempu-

ling sebagai aktiviti kokurikulum sekolah apabila Sekolah Kebangsaan Bukit Kapar menjadi perintis pertama.

Katanya, ia bagi memastikan cempuling diwarisi generasi seterusnya dan terus berkembang meskipun dunia masa kini dibanjiri muzik moden.

Malah, seni cempuling mendapat perkenan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kerana kebaikannya menyampaikan dakwah dalam muzik dan lagu.

"Matlamat kita adalah menyebarkan seni itu ke sembilan daerah di Selangor selain meneruskan lagi kepada generasi akan datang melalui aktiviti kokurikulum mereka.

"Kerjasama baik yang diberikan Kerajaan Selangor memudahkannya seni itu berkembang supaya metadologi yang dibawa dalam cempuling tidak lapuk dek zaman," katanya.

Mengakhiri bicara, Ibrahim berkata, pengkarya seni cempuling memiliki ilham yang dipinjatkan Allah untuk menterjemahkannya kepada nasihat berguna.

Besar harapannya jika amanah dan tanggungjawab itu terus diperjuangkan generasi akan datang supaya cempuling terus mekar sebagai seni yang tiada bandingannya.



25 jam tanpa henti

# Temasya Cempuling catat *Malaysia Book of Records*

OLEH AFEEQA AFEERA

**SABAK BERNAM** - Temasya Cempuling Selangor selama 25 jam tanpa henti melakar sejarahnya tersendiri sekaligus melayakkan seni itu diiktiraf *The Malaysia Book of Records* (MBR).

Temasya anjuran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT) itu bermula pada 19 Disember jam 10 pagi hingga 20 Disember jam 11 pagi.

Mengekalkan corak permainan muzik tradisi, temasya yang berlangsung di Homestay Sungai Haji Dorani itu berjaya mengumpulkan sembilan kumpulan muzik Cempuling seluruh negeri.

Seramai 87 pemain mengambil bahagian melibatkan pelbagai peringkat usia yang diketuai Koordinator, Abdul Khalil Hassan.

Temasya disaksikan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Tempoh itu adalah simbolik 25 tahun sambutan penubuhan Muzium Sultan Alam Shah di Shah Alam dan berdasarkan rekod, tiada pihak yang pernah terlibat dengan cempuling tanpa henti selain rekod muzik gambus dari Johor.

**Temasya yang berlangsung di Homestay Sungai Haji Dorani itu berjaya mengumpulkan sembilan kumpulan muzik Cempuling seluruh negeri. Seramai 87 pemain mengambil bahagian melibatkan pelbagai peringkat usia yang diketuai Koordinator, Abdul Khalil Hassan.**



Ia juga bertujuan mengangkat dan memartabatkan Cempuling sebagai identiti muzik Selangor yang kurang mendapat perhatian masyarakat.

Selain mengalunkan muzik, kumpulan Cempuling turut melontarkan lirik mengandungi nasihat dan peringatan berkenaan kepentingan dunia dan akhirat.

## Cempuling pupuk perpaduan masyarakat

**SABAK BERNAM** - Seni Cempuling yang kaya dengan tradisi dan nilai falsafah tinggi mampu memupuk perpaduan serta menyatupadukan masyarakat majmuk di negeri ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata ia berjaya menarik minat khalayak ramai untuk memartabatkan warisan masyarakat Jawa yang wujud sejak sekian lama.

Beliau berkata, seni itu juga senada dengan saranan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya rakyat lebih agresif memupuk perpaduan.

"Cempuling membuktikan semua pihak boleh bersatu dengan mengenyakan perbezaan latar belakang dan penting untuk

untuk diwarisi kepada generasi akan datang.

"Warisan seni ini harus disambung kerana keunikannya dalam menyebarkan nilai falsafah melalui lirik lagu dengan mesej mendalam sebagai peringkatan kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup Temasya Seni Cempuling Selangor 25 Jam Tanpa Henti di Pusat Aktiviti Homestay Sungai Haji Dorani, pada 20 Disember lalu.

Pada masa sama, Ahmad Yunus berkata, seni itu wajar diperkasa supaya tidak pupus ditelan arus kemodenan.

Katanya, PADAT turut bercadang menganjurkan pertandingan seni Cempuling pada tahun hadapan bagi menggalakkan lebih ramai kumpulan atau peserta menyertai aktiviti itu.





### KLANG

Hujan reyai tidak menghalang peminat datang untuk melihat secara dekat Piala Malaysia selain bergambar bermesra dan mendapatkan tandatangan pemain kesayangan.

Sedikit kekecohan berlaku apabila penyokong menyerbu khemah untuk bertemu pemain sekali gus memaksa penganjur memendekkan masa pertemuan bagi menjaga keselamatan pemain dan pegawai pasukan.

Bagaimanapun, sambutan warga Klang tetap meriah dengan lebih 400 peminat hadir



### SEPANG

Piala Malaysia disambut meriah dengan lebih 500 penyokong hadir sebagai menghargai pemain Selangor yang berjaya merealisasikan Misi 33. Seperti lokasi lain, penyokong tidak melepaskan peluang bergambar bersama pemain dan ada juga yang berpeluang menjulang Piala Malaysia



# WARNA WARNI SANG JUARA

Jelajah Juara Piala Malaysia

### KUALA SELANGOR

Lebih 400 penyokong menyambut ketibaan wira Piala Malaysia 2015 di Stadium Tertutup Kuala Selangor. Pemain yang tiba disambut dengan tarian gendang rakyat selain penyokong memanfaatkan peluang mendapatkan tandatangan pada poster kemenangan dan *berselfie* bersama pemain



### SELANGOR

Jelajah Juara Piala Malaysia (JJPM) melambungkan tirai, lebih 600 peminat membanjiri dataran sejak jam 3 petang.

Sambutan umpama fiesta, peminat dihiburkan dengan beberapa acara antaranya cabutan bertuah selain mendapatkan tandatangan pemain dan melihat lebih dekat Piala Malaysia

OLEH AFEEQA AFEERA

Ramai menjadikan askar atau polis sebagai wira negara tetapi filem *Muluk dan Konco* yang akan ditayangkan tidak lama lagi mengangkat pengawal keselamatan sebagai hero masyarakat.

Jika kebanyakan cerita komedi Melayu dianggap tipikal, namun ada ke-lainan cuba ditampilkan menerusi buah tangan terbaru pengarah berkaliber, Datuk Profesor A Razak Mohaideen.

Filem ke-38, A Razak di kerusi pengarah itu dianggap istimewa dalam pelbagai aspek ekoran ia menggunakan tenaga kerja pelajar tahun akhir Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

"Karya ini adalah komedi komik yang sesuai untuk tontonan kanak-kanak sehingga dewasa kerana membawa kita menyelami kehidupan *Muluk dan Konco* dalam mendepani cabaran menjadi wira setempat.

"Menariknya, saya dibantu kru produksi terdiri daripada pelajar tahun akhir pengurusan kreatif yang menjadikan set penggambaran sebagai medan latihan mengaplikasikan ilmu secara praktikal dan saya berpuas hati," katanya.

Filem itu juga menterjemahkan lebih 20 video viral di laman sosial untuk menyuntik elemen segar dalam filem Melayu supaya lari daripada kebiasaan.

Katanya, ia bagi melonjakkan mood komedi pada hampir setiap babak filem, namun tetap sarat mesej.

Antara pelakon yang terlibat dalam filem terbitan FiTA Studios Sdn Bhd itu adalah Azhari Zain, Saiful Apek, Yassin Senario, Jalil Hamid, Raysha Rizrose, Atu Zero dan Chem Amar.

Menjalani penggambaran selama 15 hari di sekitar Shah Alam, filem itu turut menampilkan selebriti terkenal tanah air seperti Norman Hakim, Soo Wicci dan Azhan Rani sebagai 'special cameo' yang nyata menghiburkan.

Mengulas pemilihan pelakon, A Razak berkata, setiap seorang daripada mereka mempunyai kelebihan serta aura tersendiri yang mampu menarik penonton atas keistimewaan cerita yang cuba ditonjolkan.

Banyak menampilkan muka baru, beliau ingin membuka ruang kepada mereka mencipta nama dalam industri dan percaya bakat sedia ada boleh dikembangkan jika diberi peluang.

"Semua pelakon bermula daripada



# MULUK & KONCO

## angkat pengawal keselamatan jadi wira

bawah, tetapi mereka mampu mencipta nama seperti Apek dan Yassin jika diberikan kepercayaan untuk menerajui se-buah watak.

"Mereka juga tahu memainkan peranan masing-masing dan saya yakin penonton akan terhibur ketika menonton filem ini," katanya.

Filem ini mengisahkan watak *Muluk* yang dipegang Azhari, seorang penganggur yang memilih untuk tinggal di bawah jambatan.

Kehidupan *Muluk* sentiasa ceria dan penuh warna-warna walaupun wataknya digambarkan sebagai sebatang kara tanpa keluarga di sisi.

Tampil berkeyakinan, *Muluk* mengangap kehidupannya cukup sempurna sehingga beliau bertemu Saiful, si gelandangan sewaktu menyelamatkannya daripada menjadi mangsa culik Geng Bogota.

Geng Bogota adalah penculik kepada anak orang ternama dikenali sebagai Datuk Nila dan perbuatan mereka dilihat Saiful ketika tidur di perhentian bas.

Bermula daripada situ, insiden diburu penjahat bermula hingga merapatkan hubungan Saiful dengan *Muluk* dan mereka lebih bersemangat untuk menyertai latihan pasukan keselamatan.

Semasa di kem latihan, *Muluk* dan Saiful berkenalan dengan Yassin sehingga mereka menjadi rapat dan bertugas menjaga kawasan universiti.

Pelbagai konflik dan drama mula berlaku dalam usaha *Muluk* dan konconya menjadi wira dalam masa sama diburu Geng Bogota yang mahu mendapatkan kembali wang tebusan mereka.

Filem itu turut menyelitkan unsur percintaan, persahabatan dan setiap babak sarat dengan komedi terutama *Muluk* yang menggunakan 'broken Eng-

lish' dalam percakapannya seperti 'my pleasure' (my pleasure).

Sementara itu, Azhari yang memegang watak utama berkata, karakter komedi *Muluk* bertentangan dengan sifatnya yang serius, namun mengangap itu cabaran buat dirinya bergelar anak seni.

Beliau yang juga penulis skrip filem itu berkata, gandingannya bersama Apek dan Yassin adalah mencabar ekoran kedua aktor itu adalah senior dalam dunia lawak.

"Saya seorang penyarah bukan pelawak tetapi suka mencabar diri apakah mampu berubah menjadi komikal.

"Selepas menulis skrip, saya mengambil masa selama sebulan untuk menghayati watak *Muluk* supaya seiring dengan kehendak pengarah apatah lagi bergandingan dengan dua pelawak hebat," katanya.

Nyata, jalan cerita filem itu mungkin dianggap klise bagi sesetengah pihak, namun tidak salah jika penonton mahu menyaksikan komedi santai karya anak tempatan.

Adakah misi *Muluk dan Konco* untuk menjadi pengawal keselamatan paling cemerlang akan berjaya? Namun, yang pasti filem *Muluk* akan membuat anda tidak kering gusi.



Persembahan medley oleh Nazilah daripada program 'Tiada lama tiada baru'

# LIQA' UKHUWAH

"Memperkasa Azam Merapatkan Ukhawah"

Jom datang beramai-ramai.  
**Masuk Percuma!**

**B**ERSEMPENA dengan sambutan Maulidur Rasul, SACC Convec Sdn Bhd akan menganjurkan Liqa' Ukhwah di Shah Alam Convention Centre (SACC) bermula dari jam 11 pagi hingga 10 malam pada 1 Januari 2016.

Melalui slogan 'Memperkasa Azam, Merapatkan Ukhwah', penganjuran acara ini bertujuan membantu orang ramai memperbaiki diri dan tabah melalui cabaran 2016 sekaligus bersama-sama merapatkan ukhawah sesama insan demi mencapai kehidupan yang aman.

Padat dengan pengisian bermanfaat, Liqa' Ukhwah menampilkan Penceramah dan Pakar Motivasi terkenal, Profesor Dr. Muhaya, Ustaz Pahrol Mohamad Juoi, Imam Muda Asyraf, dan Ustazah Sharifah Khasif.

Peminat juga berpeluang bertemu dan berkongsi pengalaman bersama Zahariz Khuzaimah, pengembara solo berbasikal lebih dari 12,000 batu merentasi Mongolia, China, Kyrgyzstan, Kazakhstan, Iceland, Scotland, Sweden, dan Norway.

Kanak-kanak juga disajikan melalui zon khalifah kecil yang dipimpin Upin dan Ipin dengan berbagai aktiviti menarik.

Terdapat juga acara Selawat Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Misbahul Falah dan Persembahan Kumpulan Ustaz Jay, Raqib Majid and The Hulubalangs.

Acara dimeriahkan lagi dengan 40 Bazar menjual berbagai barangan di perkarangan SACC.



USTAZAH SHARIFAH KHASIF

PROFESOR DR. MUHAYA

USTAZ PAHROL MOHAMAD JUOI

IMAM MUDA ASYRAF

ZAHARIZ KHUZAIMAH  
*"Dengan Basikal Aku Menjelajah"*

Ustaz Jay, Raqib Majid and the Hulubalangs

ZON KHALIFAH KECIL  
Dibawakan Oleh:  
**Upin & Ipin**

LIQA' UKHUWAH

**MBI**  
Menteri Besar Selangor Incorporated

**1 JANUARI 2016**  
11 PAGI - 10 MALAM

**PUSAT KONVENSYEN SHAH ALAM**

TELEFON: 03 5511 8858

ANJURAN



RAKAN ACARA



RAKAN MEDIA



22 tahun INPENS di bumi bertuah Selangor

# Memartabatkan pendidikan kemahiran



**ALAMAT :**  
 INPENS International College  
 Jalan Semarak,  
 45000 Kuala Selangor,  
 Selangor Darul Ehsan

**NOMBOR TELEFON :**  
 03-32812617 / 19 / 21 &  
 019-3424111 (Puan Zawiah)

**FAX :** 03-32812625 / 27

**E-MEL :** [inpens@inpens.edu.my](mailto:inpens@inpens.edu.my)  
**LAMAN SESAWANG :**  
[www.inpens.edu.my](http://www.inpens.edu.my)

**K**olej Antarabangsa INPENS (INPENS) adalah institusi pengajian tinggi sulung dibangunkan Kerajaan Selangor yang ditubuhkan, pada 19 September 1993.

Pada awal penubuhannya, kolej itu menawarkan program berbentuk akademik di peringkat sijil, diploma dan pra ijazah di dalam kursus seperti kewangan, perniagaan dan teknologi komputer.

Pada 2006, melalui beberapa siri perbincangan oleh Kerajaan Selangor, Kolej Antarabangsa INPENS distrukturkan semula dengan memfokuskan kepada pendidikan berteraskan kemahiran teknikal dan industri.

la selaras dengan permintaan tinggi untuk tenaga mahir khu-

susnya di Selangor yang juga negeri termaju.

Program itu menyediakan pelajar dengan latihan vokasional berdasarkan standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang diiktiraf Kementerian Sumber Manusia, manakala kualiti persijilan pula dikawal selia Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Pelajar yang mendaftarkan diri dalam kursus kemahiran di INPENS mendapat pendidikan berkualiti dengan pengetahuan teknikal dan kemahiran.

Pelajar yang berjaya menamatkan kursus dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) daripada Kementerian Sumber Manusia dan Sijil Kemahiran INPENS.

INPENS kini komited dalam usaha menjadi hab utama pen-

**Pelajar yang mendaftar di INPENS bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu kemahiran oleh tenaga pengajar berpengalaman tetapi diperkayakan dengan jati diri, disiplin dan akhlak terpuji**

didikan kemahiran pilihan di Selangor.

INPENS juga berusaha gigih memperkasakan pendidikan kemahiran dengan menjadikan negara maju seperti Perancis,



**Bidang kemahiran yang ditawarkan INPENS**

- ◆ KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
- ◆ KEJURUTERAAN PENYAMANAN UDARA
- ◆ KEJURUTERAAN MOTOSIKAL
- ◆ KEJURUTERAAN ELEKTRIK
- ◆ TEKNOLOGI ELEKTRONIK
- ◆ SISTEM KOMPUTER
- ◆ KOSMETOLOGI
- ◆ DANDANAN RAMBUT
- ◆ PEMBUATAN PAKAIAN (LELAKI & WANITA)
- ◆ KULINARI (BERMULA 2016)
- ◆ PASTRI DAN BAKERI (BERMULA 2016)



Jerman, Korea dan Jepun sebagai model rujukan.

Ini bagi memastikan INPENS berjaya melahirkan kira-kira 10,000 tenaga mahir menjelang 2020 bagi mengisi keperluan pembangunan negara.

Menjelang 22 tahun usia penubuhannya, INPENS kini berdiri megah di kampus lengkap berkeluasan 17 ekar terletak di Jalan Semarak, Kuala Selangor.

Kampus tetap itu dilengkapi pelbagai prasarana seperti bengkel, bilik kuliah berhawa dingin, asrama lelaki dan wanita, pengawal keselamatan, perpustakaan, surau, kafeteria, padang bola sepak, gelanggang badminton dan futsal.

Pelajar yang mendaftar di INPENS bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu kemahiran oleh tenaga pengajar berpengalaman

man tetapi diperkayakan dengan jati diri, disiplin dan akhlak terpuji.

Pelajar yang berminat menceburi bidang keusahawanan juga dibimbing sebaiknya dan boleh mendapat pembiayaan bagi memulakan perniagaan dengan HIJRAH Selangor jika memenuhi syarat kelayakan.

Selain itu, bimbingan untuk melangkah ke alam pekerjaan juga diberikan kepada pelajar yang bakal menamatkan pengajian.

Menawarkan 11 bidang kemahiran berimpak tinggi, INPENS mengalu-alukan anak muda bercita-cita tinggi di dalam bidang kemahiran dan inovasi untuk bersama menggegarkan arena industri di peringkat global.

Ayuh!!! Cemerlang Bersama INPENS!





## Terminal Bas Ekspres Seksyen 17

## Siap sepenuhnya Mac 2016

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Pembinaan Terminal Bas Ekspres Seksyen 17 kini mencapai 85 peratus dan dijangka siap sepenuhnya Mac depan.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata fokus MBSA memastikan stesen bas baru itu siap sepenuhnya supaya dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai.

"Kita amat memerlukan sebuah stesen bas ekspres yang dilengkapi dengan semua prasarana bagi memudahkan pengguna," katanya.

Zaharin berkata, tiada keperluan untuk MBSA menaiktaraf stesen bas sementara di Seksyen 13 walaupun terdapat aduan daripada pengguna.

Katanya, hal itu kerana stesen bas itu hanya untuk digunakan sementara.



**i** **TERMINAL BAS EKSPRES SEKSYEN 17** sepatutnya siap hujung bulan ini namun tergendala ekoran kegagalan kontraktor mengikut perjanjian yang ditetapkan.

## MPSJ sedia dua tapak cas kenderaan elektrik



**SUBANG** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melancarkan Stesen Pengcas Kenderaan Elektrik MPSJ 2015 selaras dengan penjenamaannya sebagai Bandar Hijau menjelang 2030.

Yang Dipertuan MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata projek itu hasil kerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan dibiayai Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).

"Kini, terdapat dua lokasi tapak pengcas kenderaan elektrik di kawasan seliaan MPSJ yang sudah di pasang antaranya di parkir

grandstand Kompleks Sukan MPSJ sebanyak dua unit dan satu unit di parkir Kompleks 3C MPSJ.

"Ia sebagai salah satu pembangunan Pelan Strategik MPSJ 2012-2030 meningkatkan produktiviti kecekapan dan kualiti perkhidmatan ke arah organisasi hijau serta rendah karbon," katanya ketika Majlis Pelancaran Stesen Pengcas Kenderaan Elektrik MPSJ 2015, baru-baru ini.

Sementara itu, Penganalisis MGTC, Kaljeet Singh, berkata kini 300 stesen Pengcas Kenderaan Elektrik sudah di pasang seluruh negara,

"Untuk permulaan, kita menggalakkan penggunaan peman-



Kaljeet Singh

duan di dalam bandar kerana kos untuk setiap kali mengecas RM6 sahaja dan mampu bergerak sejauh 100 kilometer.

"Kita juga dalam usaha merancang membuat kereta elektrik dengan nilai lebih murah bagi menggalakkan lebih ramai pengguna pada masa depan selari dengan sasaran rendah karbon MPSJ menjelang 2030," katanya.

## Lesen ditarik jika sewa kepada warga asing

**SUBANG JAYA** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan membatalkan lesen peniaga jika didapati menyewakan lot perniagaan mereka kepada warga asing.

Yang Dipertuanya, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata ketetapan itu diambil ekoran terdapat hampir 80 peratus bukan warganegara berniaga di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan.

"Kita menerima banyak aduan berhubung perkara ini. Namun, peniaga ini mengatakan mereka hanya bekerja bukannya penyewa.

Ini menyukarkan kita," katanya kepada pemberita.

Nor Hisham berkata, MPSJ dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) akan memantau pematuhan ke atas syarat sewaan peniaga terutamanya bagi memastikan mereka tidak menyewakan lot perniagaan kepada warga asing.

"MPSJ juga akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Imigresen untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan terhadap warga asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan sah," katanya.



## Rancak industri pelancongan, 36 pendayung dirai

**SHAH ALAM** - Seramai 36 pendayung diraikan sebagai tanda penghargaan kepada usaha dan sumbangan mereka selama ini dalam membangunkan industri pelancongan di Daerah Kuala Selangor.

Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Azahari Sairin, berkata acara tahunan itu bertepatan bagi mengiktiraf pencapaian pendayung di Pusat Santuari itu.

"MDKS sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan mereka.

"Ini adalah penghargaan kepada mereka yang sentiasa bersama-sama kita dalam menjayakan Tahun Melawat Selangor 2015," katanya dalam kenyataan.


Azahari berkata, pendayung memainkan peranan penting sebagai pemandu pelancong dengan memberikan penerangan dan pengalaman indah keajaiban kelip-kelip kepada pengunjung sepanjang menaiki sampan di Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

# PELAN TINDAKAN

MENGATASI MASALAH BANJIR DI KAWASAN STADIUM SEKSYEN 13 DAN TAMAN MESRA SEKSYEN U1 SHAH ALAM



## PELAN JANGKA PENDEK



## PELAN JANGKA PANJANG

1. Menyediakan sistem perparitan alternatif untuk mengalirkan limpahan air daripada kawasan stadium terus ke Sungai Damansara.
2. Membaiki dan menaiktaraf sistem perparitan sedia ada agar dapat berfungsi sebagai 'on-line storage' apabila taburan hujan meningkat termasuk secara luar biasa.
3. Menaiktaraf kolam takungan berhampiran masjid agar dapat menampung kuantiti air yang bertambah.
4. Cadangan menaiktaraf 'flap gate', 'valve' dan menyediakan pam baru ke sungai agar lebih efisien.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM. Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, Peti Surat 7200, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

• Telefon : 603 - 5510 5133 • Faks : 603 - 5510 8010 • Hotline : 603 - 5510 5811 (24 jam) • Talian Bebas Tol : 1-800-88-4477  
• E-mel : mbsa@mbsa.gov.my • Website : www.mbsa.gov.my  
• Facebook : shahalamcitycouncil • Twitter : @sacitycouncil • Instagram : sacitycouncil

Komited tingkat kemahiran belia

# Kerajaan Negeri-SHRDC lancar YES

OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri dengan kerjasama Selangor Human Resource Development Center (SHRDC) melancarkan program Youth Enhancement Strategy (YES) Selangor dalam usaha memantapkan kemahiran belia.

Exco Pendidikan, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata 31 belia lepasan SPM kebanyakannya mengikuti dua program baru iaitu BocHill Cert in Engineering dan Solar PV Installer.

"Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2 juta untuk membiayai lebih 120 belia yang menyertai pembelajaran kemahiran di SHRDC.

"Mereka diberi latihan kemahiran selama enam bulan serta elaun RM300 setiap bulan.

Mereka juga diberi peluang pekerjaan selepas tamat tempoh pembelajaran," katanya ketika Majlis tandatangan perjanjian persefahaman (MOU)

**Mereka diberi latihan kemahiran selama enam bulan serta elaun RM300 setiap bulan**

**NIK NAZMI**  
Exco Pendidikan

bersama SHRDC di bangunan Worldwide, di sini, pada 17 Disember lalu.

Difahamkan Kerajaan Negeri melancarkan program bersama Belia YES Selangor dalam Internship for High Impact Talent (i-HIT) pada pertengahan tahun ini.

Program itu turut mendapat kerjasama dengan Universiti Selangor (UNISEL) iaitu 41 pelajar dilatih dalam sektor Big Data Analytics, 26 dalam bidang Cloud Computing Infrastruktur serta 16 yang lain dalam bidang LabVIEW Automation Systems.



## i-HIT dan YES tingkat bakat belia

**SHAH ALAM** - Komitmen Kerajaan Negeri membantu belia mengasah bakat dan kebolehan melalui program Internship High Impact Talent (i-HIT) serta Youth Youth Enhancement Strategy (YES) Selangor dengan kerjasama erat Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) membolehkan golongan itu bergerak ke hadapan seiring pembangunan semasa.

Usaha itu akan mempertingkatkan lagi kemahiran anak muda Selangor dan dapat menyokong pertumbuhan ekonomi yang rancak juga maju.

Tenaga pengajar, Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata mereka diajar pelbagai subjek dan bergantung program yang dipilih daripada segi pembuatan.

"Selama tiga bulan pelajar akan diajar cara pembuatan yang betul dan mengikut masa terpantas.

"Selama tiga bulan sesi pembelajaran dan bakinya akan praktikal di kilang agensi sebelum diserap masuk menjadi pekerja tetap," katanya

Pelajar, Sharifah Rashida Rosli,



**Sharifah Rashida**

19, mengakui sememangnya minat dalam bidang kemahiran dan praktikal berbanding teori.

"Saya rasa peluang ini patut diambil anak muda lepasan SPM kerana selepas tamat pengajian kita akan diberi peluang pekerjaan di syarikat terpilih.

"Pelatih juga diberi elaun RM300 sebulan," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pelajar, Shahril Jamaludin, 17, berkata dia memasuki YES sejurus tamat SPM.

"Peluang itu patut diambil anak muda kerana di sini saya diberi



**Shahril Jamaludin**

**Selama tiga bulan pelajar akan diajar cara pembuatan yang betul dan mengikut masa terpantas**

**ABDUL AZIZ**  
Tenaga Pengajar

peluang menimba ilmu, pengalaman dan mendapat kawan baru, di samping tidak membazirkan masa dengan perkara tidak berfaedah.

## 124 pelajar cemerlang PSRA Selayang dirai

**SELAYANG** - Seramai 7,000 atau 18.5 peratus daripada 37,826 calon peratus yang memperoleh pangkat mumtaz (cemerlang) dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) di Selangor tahun ini menerima pujian.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib (*gambar*), berkata lebih membanggakan hampir separuh pelajar dari Selayang menyumbang kepada peningkatan itu.

"Kita dalam usaha menaik taraf tiga maahad tahfiz dengan peruntukan RM18 juta untuk menampung kemasukan pelajar tahun hadapan memandangkan sebelum ini penempatan kurang dari 3,000.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM52 juta menaik taraf Maahad Integrasi Tahfiz Sains di Bagan Lalang, Sepang," katanya selepas penyampaian Anugerah Cemerlang PSRA 2015 kepada



124 pelajar ketika program persiapan Karnival Jelajah Tani, di sini, pada 12 Disember lalu.

Katanya, ia adalah perkembangan baik dengan pendekatan diberi Kerajaan Negeri dan swasta juga semakin banyak menyediakan peluang itu.

"Kita melihat permintaan sekolah agama semakin tinggi susulan sambutan ibu bapa terhadap pendidikan Islam yang menggalakkan.

"Tahun hadapan kita dalam usaha menyelesaikan permintaan sekolah agama yang semakin meningkat," katanya.

Misi bertukar ilmu

# PWB ke Sarawak

OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Bagi meluaskan perkongsian ilmu dan kraftangan, Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor merentasi Sarawak bermula 17 hingga 20 Disember lalu.

Program diketuai Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi itu

bertujuan untuk bertukar pandangan dan ilmu serta mengeratkan silaturahim antara dua negeri.

Menerusinya, ahli PWB berkongsi ilmu penyediaan roti dan kek cawan bersama wanita di Kampung Tupong Baru, Sarawak sementara wanita di kampung terbabit memberi pendedahan penyediaan kek lapis sebenar negeri itu.

Mereka turut berkongsi cara penyediaan kraftangan seperti rantai kunci, kerongsang dan menghias tudung saji.

Misi PWB Selangor ke Sarawak turut dipanjangkan ke Kampung Batu Kitang Lama dan disambut dengan gembira penduduk di sana.

Mereka bertukar petua dan resepi yang boleh diamalkan.



## YAWAS galak individu, swasta, GLC bantu ahli TAWAS



**SHAH ALAM** - Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) mahu bekerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi membantu anak-anak Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang menghidap penyakit kronik.

Pengurus Besarnya, Mohd Noor Mohd Zain, berkata kerjasama itu penting bagi meringankan beban keluarga membiayai kos perubatan.

"Kita mahu kanak-kanak ini menerima bantuan secara berterusan. Setakat ini, kita hanya

beri bantuan hasil sumbangan individu dan syarikat yang menderma untuk pembangunan ahli TAWAS," katanya kepada Selangor Kini.

Mohd Noor juga mahu Anak Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) menjadi penderma kepada pembangunan itu secara berterusan.

Beliau turut mencadangkan kakitangan GLC membuat potongan gaji sekurang-kurangnya RM10 untuk didermakan dalam Tabung Generasi YAWAS (TERAS).

"Kita juga mahu bekerjasama dengan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) di setiap DUN bagi mengenal pasti penderma untuk disalurkan dalam tabung ini dan mengedarkan risalah supaya mereka yakin," katanya.

TERAS yang dilancarkan tahun lalu membolehkan penderma berpeluang menikmati rebat cukai pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebanyak tujuh peratus bagi individu dan 10 peratus untuk syarikat.

## 18 ahli TAWAS penghidap penyakit kronik dibantu

**SHAH ALAM** - Seramai 18 kanak-kanak berdaftar dengan Tabung Warisan anak Selangor (TAWAS) yang menghidap penyakit kronik menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM1,000.

Sumbangan melalui Tabung Generasi YAWAS (TERAS) itu disampaikan oleh Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi di Ibu Pejabat YAWAS pada 21 Disember lalu.

Penerima bantuan menghidap penyakit kronik antaranya buah pinggang, jantung berlubang, injap bocor, kecacatan saraf, leukimia, paru-paru, saluran darah sempit dan ketiadaan limpa.

Bapa, Eddie Nasril Rubain, 43, berkata b a n t u a n yang diteri-

manya itu sedikit sebanyak meringankan kos perubatan anaknya, Nur Arissa Damia, 1 tahun 8 bulan yang menghidap injap jantung sempit sejak dilahirkan.

"Terima kasih kepada pihak YAWAS kerana sudi menghulurkan sumbangan ini. Walaupun doktor mengesahkan anak saya tidak dapat dipulihkan lagi, namun dengan bantuan ini dapat memanjangkan tempoh usia anak saya melalui rawatan yang dijalankan," katanya yang sedikit sebak.

Sementara itu, Ahmad Bustamin, 32, berharap bantuan seperti itu dapat diteruskan masa akan datang sebagai usaha prihatin membantu keluarga yang kurang berkemampuan.

"Terima kasih kepada semua pihak kerana prihatin. Walaupun ia tidak banyak, namun dapat membantu keluarga yang benar-benar memerlukan," katanya.

Anaknya, Aidil Nufail, 2, menerima sumbangan itu kerana mengalami kecacatan saraf dibahagian kepala sehingga lumpuh akibat kecauan pengasuh.



Ahmad Bustamin

**Kerajaan Negeri komited memastikan pihak berkuasa tempatan (PBT) bekerjasama dalam menyediakan kemudahan ini mengikut piawaian antarabangsa terutama aksesibiliti secara fizikal**

**DR DAROYAH ALWI**  
Exco Kebajikan

## OKU Selangor terima peluang saksama

**SHAH ALAM** - Orang Kelainan Upaya (OKU) wajar menerima kesaksamaan hak dan peluang seperti masyarakat lain bagi meningkatkan penglibatan golongan itu dalam komuniti.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata pendekatan berasaskan hak sudah diterima pakai berbanding masa lalu yang lebih terarah kepada unsur kebajikan.

Katanya, isu seperti pengangkutan, pe-

rumahan, sukan rekreasi, kebudayaan dan perbankan juga perlu diambil kira bagi memastikan mereka menikmati kesejahteraan hidup secara menyeluruh.

"Kerajaan Negeri komited memastikan pihak berkuasa tempatan (PBT) bekerjasama dalam menyediakan kemudahan ini mengikut piawaian antarabangsa terutama aksesibiliti secara fizikal.

"Kita akan menekankan konsep 'universal design' bagi kemudahan semua, bukan hanya untuk OKU tetapi kita juga

boleh menggunakannya," katanya dalam kenyataan media.

Pada masa sama, katanya Kerajaan Negeri memberi peruntukan khas pada 2016 untuk memastikan kelestarian OKU dipenuhi, antaranya RM500,000 bagi program Autisma.

Dengan tema Memberdayakan OKU Selangor, Sambutan Hari OKU tahun ini mengiktiraf peranan golongan itu yang turut menyumbang kepada pembangunan negeri.

Operasi tangkap khalwat

# Ikut SOP bukan main terjah

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mempertahankan proses siasatan dibawah undang-undang syariah bagi kesalahan khalwat dijalankan mengikut prosedur dan bukan intipan, bahkan tidak bertujuan mengaibkan mana-mana pihak.

Perkara itu ditegaskan dalam kenyataan bersama Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa dan Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid, 18 Disember lalu.

"Tindakan diambil pihak berkuasa agama adalah hasil dari aduan orang ramai.

"Proses siasatan dilaksanakan mengikut prosedur termaktub dalam akta atau enakmen tata-

cara jenayah syariah negeri bagi memastikan aduan atau maklumat diterima benar sebelum pendakwaan dibuat," katanya.

Kenyataan itu susulan saranan Kumpulan penjawat awam, G25 yang baru-baru ini mahu penubuhan jawatankuasa bagi membincangkan pemansuhan beberapa undang-undang syariah.

Kumpulan yang disertai profesional Melayu itu menuntut hukuman terhadap perbuatan khalwat dimansuhkan jika dibuat di rumah persendirian dengan beranggapan dosa individu adalah antara pelaku dengan Tuhan, selagi ia tidak dilakukan di tempat awam.

MAIS berkata, kenyataan G25 itu tidak tepat apabila penguatkuasa agama dituduh mengin-

tip dan menceroob hak privasi seseorang sedangkan tindakan mereka selaras dengan undang-undang.

"Adalah menjadi prosedur penyiasatan (SOP) bagi pegawai penguatkuasa agama apabila sesuatu aduan dibuat untuk ke tempat di mana kejadian khalwat dikatakan berlaku, seterusnya mengetuk pintu dan memperkenalkan diri mereka terlebih dahulu sebelum proses siasatan lanjut dijalankan.

"Pegawai penguatkuasa agama juga ditegah menyerbu dengan membuta tuli dan mendakwa seseorang melakukan khalwat atau penzinaan tanpa usul periksa," kata mereka.

Dalam pada itu, MAIS turut mengingatkan umat Islam bahawa kenyataan menghina undang-undang Islam boleh dikenakan denda atau dihukum penjara.



## Rujuk JAKESS jika tidak terima nafkah

**SHAH ALAM** - Wanita yang tidak menerima nafkah sepatutnya daripada bekas suami boleh melapor kepada Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS).

Ketua Hakim Syarie Selangor, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata ia bagi memastikan isteri dan ibu tunggal menerima hak mereka seperti diperintahkan mahkamah.

Katanya, perkhidmatan nasihat juga diberikan secara percuma sekaligus mengurangkan bebanan mereka yang memer-

lukan bantuan.

"Kita akan pastikan bahagian ini berfungsi sebaiknya supaya perintah bayaran nafkah itu tidak kekal di atas kertas sahaja.

"Kalau di Mahkamah Sivil, ibu bukan Islam terpaksa berjumpa dan membayar peguam bagi mendapatkan rundingan kerana tiada khidmat percuma di situ.

"Tetapi dengan adanya bahagian sokongan keluarga, wanita boleh menerima nasihat secara percuma," katanya kepada Selangor Kini.

Mohd Na'im berkata, JAKESS turut menyediakan perkhid-

matan sistem elektronik pengu-rusan, e-nafkah yang membolehkan semakan nafkah bulanan dibuat.

Katanya, mana-mana pihak yang gagal melunaskan bayaran nafkah bakal berdepan tindakan tegas daripada mahkamah.

"Kita cuba sampaikan falsafah berbeza dengan Mahkamah Sivil di mana kita ambil tanggungjawab itu dengan harapan boleh memberi nasihat secara percuma berkaitan tuntutan nafkah.

"Kita juga bangunkan tabung untuk bantuan nafkah sementara-



**Kita cuba sampaikan falsafah berbeza dengan Mahkamah Sivil di mana kita ambil tanggungjawab itu dengan harapan boleh memberi nasihat secara percuma berkaitan tuntutan nafkah**

**DR MOHD NA'IM**  
Ketua Hakim Syarie Selangor

ra kerana penguatkuasaan terhadap pihak yang gagal membayar nafkah mengambil masa selama enam bulan," katanya.

## PKNS peruntuk RM480,000 baik pulih 16 rumah asnaf

**PKNS komited membantu rakyat melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijenamakan di bawah nama KASIH PKNS**

**ISHAK HASHIM**  
Pengurus Perhubungan Awam



**SHAH ALAM** - Sebanyak RM480,000 diperuntukkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi kerja membaik pulih 16 rumah asnaf di sekitar daerah Petaling.

Pengurus Perhubungan Awamnya, Ishak Hashim, berkata PKNS mendapat kerjasama penuh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling serta Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti keluarga fakir miskin yang me-

merlukan bantuan.

"PKNS komited membantu rakyat melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijenamakan di bawah nama KASIH PKNS," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, PKNS berharap bantuan itu memberi sinar baru kepada penerima untuk membaik pulih kediaman supaya memiliki kediaman yang selesa.

Terdahulu, Adun Paya Jaras, Khairuddin Othman merasmikan Program Baik Pulih Rumah Asnaf Daerah Petaling di Desa Impian Merbau Sempak, Sungai Buloh pada 15 Disember lalu.

Hadir sama Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah.

Salah sebuah rumah penerima sumbangan baik pulih Samsul Kamarudin, 42, dijadikan tapak pelancaran majlis pada hari ter-babit.



**#KitakanIslam**  
BUAT KERANA ALLAH

Sumbangan untuk:  
Rumah Ngaji @ Rumah Maghfirah  
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794  
No Akaun: 1621 5171 1707 (Maybank)



OLEH SYASYA SUFIAN

Hadapi cabaran musim 2016

# Empat pemain baru sertai Red Giants

**SHAH ALAM** - Seramai empat pemain baru sudah menandatangani kontrak sebagai pemain Skuad Liga Super Selangor bagi musim 2016.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata kejayaan menjujung Piala Malaysia bagi kali ke-33 menambah keterujaan semua pihak berkenaan hala tuju pasukan terutama membabitkan senarai pemain yang bakal mewakili pasukan itu.

Katanya, Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) dan pengurus Skuad Liga Super Selangor menyedari perkembangan pasukan itu serta sentiasa diambil berat dan serius penyokong setia tetapi juga peminat sukan bola sepak

tanah air.

"Untuk musim hadapan kita mengambil kira beberapa keadaan bagi memantapkan pasukan untuk saingan Liga Super dan Piala AFC, bahkan rombakan perlu dilakukan.

"Empat pemain baru sudah dipilih Selangor yang menjadikan kita mempunyai 19 pemain termasuk dua lagi pemain import yang bakal diumumkan kelak," kata-

nya pada 18 Disember lalu.

Pemain baru bakal menyertai Skuad Liga Super Selangor adalah penjaga gol, Mohd Khairul Azhan Mohd Khalid; pertahanan, Mohd Razman Roslan dan pemain tengah R Gopinathan serta Mohd Hafiz Kamal daripada Pahang.

Amirudin berkata, 60 peratus pemain selebihnya dikekalkan mengaharungi sesi 2016.

"Ia keputusan sukar kerana ke-

banyak prestasi pemain Skuad Liga Super Selangor daripada awal musim sehingga tamat Piala Malaysia berada pada tahap meyakinkan.

"Pemain tidak dikekalkan bakal menjalani proses perpindahan dengan lancar, namun saya yakin berdasarkan prestasi mereka yang cemerlang pasti menerima tawaran baik daripada pasukan lain," katanya.



## Wak Lan pasang impian sarung jersi Malaysia

**SELAYANG** - Selepas beraksi cemerlang sepanjang musim 2015, Norazlan Razali meletakkan sasaran menarung jersi penjaga gol Kebangsaan disamping membantu Selangor meraih lebih banyak kejayaan musim 2016.

Meskipun bakal bersaing dengan bekas penjaga gol Pahang, Mohd Khairul Azhan Mohd

**Kehadiran pemain Pahang menyuntik semangat kami untuk bekerjasama memantapkan pasukan**

**NORAZLAN RAZALI**  
Penjaga Gol

Khalid, namun beliau bersedia merebut tempat selaku penjaga gol utama Selangor secara sah.

"Kehadiran pemain Pahang menyuntik semangat kami untuk bekerjasama memantapkan pasukan," katanya kepada Selangor Kini pada 20 Disember lalu.

Lebih sinonim dengan gelaran 'Wak Lan' dalam kalangan penyokong, beliau berwaspada dengan tekanan menghadapi musim hadapan tambahan Red Giants bakal beraksi di Piala AFC



selain mempertahankan Piala Malaysia.

Katanya, pemain cuba memperbaiki kelemahan yang ada dan meningkatkan kecergasan menghadapi musim 2016.

## Hadi Yahaya: Tuah kembali bermain bersama

**SELAYANG** - Tuah kembali beraksi bersama Selangor menyaksikan Abdul Hadi Yahaya menjadi antara tunjung kejayaan pasukan merealisasikan Misi 33.

Pernah berkelana di Terengganu dan Perak, namun kejayaan menjujung Piala Malaysia bersama negeri kelahiran menjadi kenangan manis dalam karier bola sepak anak kelahiran Klang itu.

"Alhamdulillah, berjaya membawa pulang kembali Piala Malaysia ke Selangor dan murah rezeki kami musim ini," katanya kepada Selangor Kini pada 20 Disember lalu.

Abdul Hadi selaku pemain tengah turut beraksi dalam perlawanan akhir Piala Malaysia ketika Selangor berjaya me-

newaskan Kedah 2-0.

Jelasnya, kehadiran pemain import menyaksikan kesemua pemain terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan tempat dalam kesebelasan utama tambahan Selangor bakal beraksi dalam Piala AFC musim hadapan.



## Selangor cari import berkaliber

**KLANG** - Selangor mencari pemain import terbaik bagi mengukuhkan pasukan menghadapi musim hadapan memandangkan mereka bakal beraksi di Piala AFC.



Pengurus pasukan, Amirudin Shari, berkata Red Giants memulakan latihan awal Januari ini sebagai persediaan menghadapi Piala Sumbangsih pada 13 Februari 2016.

"Kita akan dapatkan pemain import lebih berkaliber dan mampu menjujung Piala AFC. Namun, dengan kemampuan pemain tempatan juga kita melihat langkah di peringkat Piala AFC," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Selangor Kini ketika Jelajah Juara Piala Malaysia (JJP) di Dataran GM Klang, di sini, pada 19 Disember lalu.

Setakat ini, Andik Vermansyah dan Robert Cornthwaite dikekalkan sementara dua yang lain, Leandro Dos Santos dan Guilherme De Paula dilepaskan.

Menyentuh kedudukan Mehmet Durakovic musim hadapan beliau berkata, pengu-

**Pengurusan Selangor membuat keputusan dalam masa terdekat sama ada (Mehmet Durakovic) untuk dikekalkan atau sebaliknya.**

**AMIRUDIN SHARI**  
Pengurus PAsukan

rusan Selangor membuat keputusan dalam masa terdekat sama ada untuk dikekalkan atau sebaliknya.

Katanya, jika berlaku pertukaran jurulatih, pasukan Selangor tetap perlu membuat persediaan rapi menghadapi cabaran dan persaingan sengit pada 2016.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
25 DISEMBER 2015 - 1 JANUARI 2016							
13 - 20 RABIULAWAL 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
25 Jumaat	5:44	5:54	7:17	1:16	4:38	7:12	8:27
26 Sabtu	5:44	5:54	7:17	1:16	4:39	7:12	8:27
27 Ahad	5:45	5:55	7:18	1:17	4:39	7:13	8:28
28 Isnin	5:45	5:55	7:18	1:17	4:40	7:13	8:28
29 Selasa	5:46	5:56	7:18	1:18	4:40	7:14	8:29
30 Rabu	5:46	5:56	7:19	1:18	4:41	7:14	8:29
31 Khamis	5:47	5:57	7:19	1:19	4:41	7:15	8:30
01 Jumaat	5:47	5:57	7:17	1:19	4:42	7:15	8:30
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
25 Jumaat	5:46	5:56	7:19	1:18	4:40	7:14	8:29
26 Sabtu	5:47	5:57	7:19	1:18	4:41	7:14	8:29
27 Ahad	5:47	5:57	7:20	1:19	4:41	7:15	8:30
28 Isnin	5:48	5:58	7:20	1:19	4:42	7:15	8:30
29 Selasa	5:48	5:58	7:21	1:20	4:42	7:16	8:31
30 Rabu	5:49	5:59	7:21	1:20	4:43	7:16	8:31
31 Khamis	5:49	5:59	7:21	1:21	4:43	7:17	8:32
01 Jumaat	5:50	6:00	7:22	1:21	4:44	7:17	8:32

Misi 33 Piala Malaysia berjaya

# Red Giants bakal terima imbuhan istimewa

OLEH HAFIZAN TAIB

**KLANG** - Pasukan bola sepak Selangor dijangka menerima imbuhan istimewa daripada Kerajaan Negeri ekoran kejayaan menjuarai Piala Malaysia.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perbincangan bagi tujuan itu memang diadakan dan pengumuman dilakukan apabila tiba masanya.

"Ada kita bincangkan dan

umumkan pada masa sesuai," katanya di sini, pada 16 Disember lalu.

Selangor mengalahkan Kedah 2-0 dalam perlawanan akhir bagi melengkapkan Misi 33 dan mengakhiri penantian 10 tahun untuk menjuarai piala keagungan bola sepak tanahair itu pada 12 Disember lalu.

Kejayaan itu dianggap manis kerana *Red Giants* tidak dilabelkan sebagai pasukan pilihan untuk mara ke peringkat akhir.

## Pemain baru suntik persaingan sihat

**SELAYANG** - Kehadiran empat pemain baru yang akan beraksi bersama Selangor bakal merancakkan lagi perebutan slot kesebelasan utama musim hadapan.

Ketua Pasukan, Shahrom Kalam, (**gambar**) berkata semua pemain tidak boleh merasa selesa dan selamat memandangkan persaingan lebih sengit bakal dilihat memandangkan Selangor berdepan

Liga Super Selangor adalah penjaga gol, Mohd Khairul Azhan Mohd Khalid, pertahanan, Mohd Razman Roslan dan pemain tengah R Gopinathan serta Mohd Hafiz Kamal daripada pasukan Pahang.



Untuk musim hadapan beliau berkata, persediaan lebih rapi perlu dilakukan dan tumpuan sudah pastinya diberikan kepada aspek kecekapan pemain.

Dalam perkembangan sama beliau berterima kasih kepada penyokong yang sudi hadir memeriahkan Jelajah Juara Piala Malaysia (JJPM) selama tiga hari di empat lokasi berbeza.

Beliau berharap penyokong yang bertindak selaku pemain ke-12 akan terus setia kekal menyokong *Red Giants* musim hadapan.

misi mempertahankan Piala Malaysia selain beraksi dalam Piala AFC.

"Kehadiran baru bagus untuk membuatkan kami tidak rasa selesa dan akan bekerja keras merebut tempat dalam kesebelasan utama," katanya kepada Selangor Kini pada 20 Disember lalu.

Setakat ini, empat pemain baru yang bakal menyertai skuad

sangat membanggakan dan kini masanya pemain membalas jasa serta sokongan diberikan sepanjang musim ini.

"Saya rasa selesa dan kami memerlukan penyokong selaku pemain ke-12. Mereka sudah menyokong dan kini giliran kami menghiburkan penyokong," katanya.

**KEGEMBIRAAN** penyokong Selangor meraikan kejayaan *Red Giants* memenangi Piala Malaysia kali ke-33 dalam Jelajah Juara Piala Malaysia (JJPM) di empat daerah pada 18 - 20 Disember lalu



## Masanya balas jasa penyokong

**KUALA SELANGOR** - Bintang bola sepak Indonesia, Andik Vermansyah bersyukur menjadi pemain ketiga dari negara republik itu berjaya menjulang Piala Malaysia.

Katanya, kerja keras sepasukan menjadi kunci utama kejayaan Selangor

musim ini bukan bergantung kepada kekuatan individu.

Andik berkata, tumpuan diberikan untuk musim hadapan termasuk aksi di pentas Piala AFC.

"Alhamdulillah, nyata bukan mudah untuk menjulang piala tanpa bekerja keras.

"Kita memerlukan lebih tum-

puan dan berhati-hati untuk beraksi di peringkat Asia," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 18 Disember lalu.

Sebelum ini, Bambang Pamungkas dan Ellie Aboi adalah pemain dari Indonesia yang berjaya menjulang Piala Malaysia bersama Selangor.

Katanya, kehadiran penyokong

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985